

12 APR 2000

Mahathir-Globalisasi

GLOBALISASI HARUS TEKANKAN HASIL, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyuarakan kritiknya yang paling pedas setakat ini terhadap globalisasi, dengan mengatakan ia seharusnya memberi penekanan kepada hasil, bukan kepada caranya.

Sambil memberikan mesej yang lantang dan jelas kepada dunia bahawa adalah silap untuk mengetepikan negara yang lemah dan miskin daripada menyertai proses perumusannya, beliau berkata jika globalisasi itu buruk untuk semua pihak, maka ia hendaklah ditakrif semula dan diubahsuai sehinggalah hasil yang diharapkan itu tercapai.

"Jika hasilnya baik, maka laksanakanlah ia sebagaimana yang ia kini ditakrifkan dan diamalkan," kata Dr Mahathir ketika berucap pada Sidang Kemuncak Kumpulan 77 (G-77) negara membangun di sini pada hari Rabu.

Sidang kemuncak selama dua hari itu adalah yang pertama pernah diadakan antara ketua-ketua negara dan kerajaan dari negara-negara membangun dalam G-77 semenjak kumpulan itu ditubuhkan pada 1964 dengan keanggotaan permulaan sebanyak 77 negara.

Kini kumpulan itu mengandungi 133 negara, termasuk China. Globalisasi, yang telah menjadi istilah sebutan ramai dalam dunia ekonomi hari ini, merupakan antara tema persidangan itu.

Dr Mahathir berkata perkara penting mengenai globalisasi ialah ia hendaklah memberi fokus kepada hasil, bukan kepada dogma.

"Pada masa ini kita diberitahu bahawa globalisasi mesti dikembangkan dan dilaksanakan meskipun jika ia menghancurkan kita," katanya.

"Kita sedang memasuki perangkap lama dengan mempercayai bahawa sesuatu sistem dengan sendirinya boleh menyelesaikan masalah kemanusiaan. Apabila kita meletakkan terlalu banyak kepercayaan kepada sistem, maka kita akan lupa sebab-musabab sistem itu diwujudkan pada mulanya.

Dr Mahathir berkata sesuatu sistem digubal kerana ia dipercayai dapat membetulkan apa yang silap dan memberi manfaat kepada mereka yang mengamalkannya.

"Malangnya, sebaik sahaja sesuatu sistem diterima, ia menjadi perkara yang begitu suci sehinggakan meskipun jika ia menimbulkan keadaan yang lebih buruk daripada keadaan yang sepatutnya diperbetulkan, ia masih dipertahankan dan diamalkan.

"Pada peringkat itu, jika ada sesiapa yang berani menentang sistem itu, dia akan dianggap sebagai penyeleweng dan dikutuk," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa globalisasi kini sudah menunjukkan tanda-tanda akan menjadi suatu kepercayaan yang tidak ada tolak ansur.

"Ini perkara malang bagi globalisasi, yang jika diberi takrif yang betul dan diamalkan dengan teratur, boleh membawa kekayaan dan manfaat yang lebih besar kepada dunia, yang kaya dan yang miskin," katanya.

Beliau berkata bahawa negara-negara miskin mempunyai pengalaman yang banyak mengenai kesan globalisasi.

Dr Mahathir berkata di Timur dapat dilihat bagaimana Pelaburan Asing Secara Langsung, pemindahan teknologi dan pembukaan pasaran negara kaya telah membantu memperkayakan negara miskin.

"Kita juga melihat bagaimana negara-negara menjadi miskin dengan tiba-tiba. Pengalaman kita boleh membantu merumuskan suatu corak globalisasi yang memberi manfaat kepada semua. Jadi, biarkanlah kami masuk," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Kami percaya kami boleh memberi sumbangan ke arah mengelakkan kemelesetan. Oleh itu, pendapat kami hendaklah diterima dengan serius dalam merumuskan sistem kewangan dan ekonomi antarabangsa."

Beliau berkata tidak syak lagi bahawa jika globalisasi ditakrif dan diamalkan dengan betul, ia boleh mewujudkan suatu order dunia yang menjamin

pembahagian kekayaan yang seimbang antara yang kaya dan yang miskin.

"Sebaliknya, jika ditakrif secara tidak betul, ia boleh membawa kerosakan terutamanya kepada negara miskin dan selanjutnya mengakibatkan pertumbuhan negara kaya juga menjadi terencat." katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan negara membangun lain sebelum ini telah menyambut baik globalisasi dengan kepercayaan bahawa modal dan kepakaran asing boleh membantu pertumbuhan ekonominya.

"Ketika itu, di Asia Timur, penyangak dalam perdagangan mata wang telah menunjukkan bagaimana hanya dengan menurunkan nilai mata wang kami, mereka boleh menjadikan negara yang dianggap sebagai Harimau Ekonomi Asia Timur sebegitu miskin sehingga terpaksa mengemis," katanya.

Beliau berkata masalah yang dihadapi oleh negara-negara itu timbul kerana pihak yang kaya memberi takrif globalisasi sebagai hak untuk modal merentasi, dan merentasi semula, sempadan dengan sewenang-wenangnya.

"Modal telah menjadi senjata baru bagi yang kaya. Dengan kedatangan mereka untuk melabur dalam pasaran saham, mereka memperolehi kekayaan dalam sekelip mata. Sebaik sahaja ini berlaku, mereka hanya perlu menarik balik modal mereka untuk menjadikan mangsa mereka miskin dan melemahkannya, lalu memaksa mereka menyerah kepada kehendak dan arahan pihak asing," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata kegawatan ekonomi di Asia Timur telah mengakibatkan pihak yang kaya mengambil segala apa yang dimiliki oleh pihak yang miskin.

"Kami mengaku bahawa kami tidak sempurna. Kami ada rasuah, kronisme dan keburukan lain. Tetapi bukankah demikian juga halnya dengan negara yang sangat kaya pun.

"Walaupun adanya dakwaan rasuah itu, kami telah dapat memajukan negara kami dan memberikan kehidupan yang baik kepada rakyat kami. Kuasa pasaran yang kononnya ingin menghapuskan rasuah dan keburukan lain di negara kami tidak juga menampakkan kejayaan yang ketara.

"Mereka pasti sudah membuat kekayaan demi kekayaan melalui cara manipulasi mereka terhadap matawang dan pasaran, dan kini melalui tindakan mereka menguasai bank, industri dan perniagaan," katanya.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai perlunya negara-negara membangun "bertindak secara bersama jika kita mahu menjadi berkesan,"

"Ini persidangan kemuncak negara-negara Selatan. Bilangan kita besar dan setiap satu daripada kita miskin, dan tidak mampu mempengaruhi dasar-dasar antarabangsa supaya menguntungkan kita.

"Walaupun kita lemah, jika kita bersatu kekuatan kita akan menjadi cukup besar," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata perhimpunan mereka di ibu negara Cuba ini boleh dianggap sebagai manifestasi perpaduan mereka.

"Bagaimanapun, untuk bertindak secara bersama tidaklah semudah untuk bertemu. Di sinilah letaknya kelemahan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata negara kaya nampaknya lebih bersatu.

"Kumpulan mereka lebih kecil dengan hanya tujuh negara anggota," kata beliau, merujuk kepada Kumpulan Tujuh negara perindustrian dan Russia.

"Walaupun mereka mempunyai beberapa perbezaan antara mereka, mereka dengan segera bersatu jika merasa penguasaan mereka dicabar," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA
ES RYN NMO